

KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA FATWA NEGERI PERAK

FATWA BIL. 21

HUKUM DAN KAEDAH PENGURUSAN JENAZAH COVID-19

Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak Kali Ke-226 yang bersidang pada 4 hingga 6 Januari 2022M bersamaan 1 hingga 3 Jamadilakhir 1443H telah memperaku keputusan untuk menerima pakai keputusan Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) sebagai Irsyad Hukum (Panduan Hukum) mengenai Semakan Semula Pandangan Hukum dan Kaedah Pengurusan Jenazah Orang Islam COVID-19.

- i. Hukum asal pengurusan jenazah muslim termasuk jenazah pesakit COVID-19 hendaklah diurus dengan sempurna melalui kaedah pengurusan jenazah dengan dimandi, dikafan, disembahyang dan dikebumikan dalm tempoh masa seminimum mungkin mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan.
- ii. Sekiranya terdapat kemungkinan yang tinggi bahawa pengurusan jenazah berisiko dijangkiti dengan penggunaan air, maka hendaklah digantikan dengan tayamum pada anggota badan jenazah dengan mengambil kira Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan.
- iii. Penilaian risiko merupakan tugas pihak forensik di semua hospital dalam menentukan sama ada jenazah pesakit COVID-19 perlu diurus dengan sempurna atau secara kaedah tayamum atau memadai dengan hanya dikafan, disembahyangkan dan dikebumikan.
- iv. Pengesahan berhubung status risiko jenazah pesakit COVID-19 hendaklah dilakukan oleh pakar perubatan Islam.
- v. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat halangan atau dibimbangi boleh membawa kepada penyebaran penyakit, maka mesyuarat bersetuju menggugurkan kewajipan penyebaran memandikan/tayamum ke atas jenazah dan memadai dengan dikafan, disembahyang dan dikebumikan.

- vi. Dalam melaksanakan keputusan ini, pihak hospital dan pihak berkuasa agama di setiap negeri yang terlibat perlu menyediakan tenaga kerja, segala kelengkapan dan keperluan yang mencukupi dalam pengurusan jenazah COVID-19.

Tarikh : 8 Julai 2022
No. Fail : MN.Pk.A351.IST/05/9 JLD. 9
Status Fatwa : Tidak warta

Saya yang menjalankan amanah


(SS. DATO' HAJI ZAMRI BIN HASHIM)
Timbalan Mufti Negeri Perak